BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 03/16/12

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum jam 1800 hari Rabu, 23 Mac 2016

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran Bank Negara Malaysia 2015

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran merupakan penerbitan tahunan Bank Negara Malaysia (Bank) yang mengandungi penilaian Bank mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan keupayaan sistem ini untuk meneruskan peranannya sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Laporan ini juga melaporkan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan dalam usaha menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan proses transformasi ekonomi, serta langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan terus selamat dan kukuh, memelihara kepentingan pengguna kewangan dan menggalakkan kestabilan kewangan dan sistem pembayaran secara keseluruhan.

Perkembangan risiko dan penilaian kestabilan kewangan pada tahun 2015

Ketidaktentuan pasaran kewangan kekal ketara pada tahun 2015. Prospek pengembalian semula kadar faedah Federal Reserve Amerika Syarikat ke paras yang lebih wajar, prospek pertumbuhan global yang lebih lemah, termasuk bagi Republik Rakyat China dan ekonomi sedang pesat membangun, serta kejatuhan harga minyak mentah ke paras yang tidak pernah berlaku sebelum ini merupakan teras utama yang mempengaruhi perlakuan para pelabur pada sebahagian besar tahun 2015. Di Malaysia, aliran portfolio didorong terutamanya oleh aliran keluar dana global secara meluas daripada pasaran sedang pesat membangun dan negara pengeluar komoditi, serta pelaburan ke luar negara oleh pelabur institusi domestik sebagai sebahagian daripada strategi untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan. Seperti dalam episod ketidaktentuan yang ketara dan aliran modal yang besar sebelum ini, kedalaman pasaran kewangan dan kehadiran pelabur institusi domestik yang kukuh di negara ini terus menyokong keadaan pasaran yang teratur. Meskipun keadaan pendanaan ada kalanya lebih ketat

dalam keadaan aliran keluar portfolio dalam jumlah yang besar, agregat lebihan mudah tunai dalam sistem kewangan domestik yang ditempatkan di Bank kekal tinggi sebanyak RM205.1 bilion pada akhir tahun 2015. Penyediaan mudah tunai menerusi kemudahan repo berbalik Bank dan penurunan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) baru-baru ini telah memastikan keadaan mudah tunai yang mencukupi turut membantu melancarkan pelarasan oleh bank individu terhadap persaingan yang lebih sengit untuk mendapatkan deposit serta pengagihan deposit yang lebih tidak sekata merentas bank.

Bank, penanggung insurans dan pengendali takaful domestik terus mengekalkan keberuntungan dan kedudukan modal yang kukuh. Bank, khususnya, menunjukkan tahap daya tahan yang tinggi untuk menjana perolehan meskipun keadaan perniagaan kian mencabar. Ini lantas membolehkan mereka mengekalkan penampan yang kukuh menerusi dasar pengekalan perolehan berhemat. Modal bank yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum terus meningkat sebanyak 9.5% kepada RM117.3 bilion. Agregat permodalan penanggung insurans dan pengendali takaful juga kekal kukuh, dengan lebihan penampan modal berjumlah RM46 bilion mengatasi keperluan minimum pengawalseliaan. Faktor-faktor ini terus menyokong kuat aktiviti pengantaraan domestik dan mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan Malaysia.

Risiko kepada kestabilan kewangan domestik akibat keberhutangan isi rumah dan harga harta tanah yang meningkat, terus sederhana. Peminjaman isi rumah terkumpul daripada bank dan bukan bank meningkat 7.3%, lantas melanjutkan kadar pertumbuhan lebih perlahan yang dicatat sejak langkah kehematan makro yang pertama kali dilaksanakan pada tahun 2010. Ini mencerminkan terutamanya peningkatan pembiayaan untuk tujuan peribadi yang terus lebih perlahan sementara pembiayaan untuk pembelian rumah kekal kukuh. Nisbah paras hutang isi rumah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) kekal tinggi pada 89.1% dalam keadaan pertumbuhan KDNK nominal yang lebih sederhana pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang pada amnya kekal kukuh, disokong oleh prospek guna tenaga dalam negeri dan pendapatan yang secara amnya stabil. Bahagian peminjaman isi rumah berpendapatan rendah yang mempunyai leveraj (atau hutang) yang tinggi terus merosot, mencerminkan penilaian kemampuan membayar balik pinjaman yang lebih baik. Agregat aset kewangan isi rumah kekal melebihi dua kali hutang isi rumah. Bagi sesetengah isi rumah, aset tersebut telah menyokong pelarasan terhadap kos sara hidup yang meningkat. Namun demikian, dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah, tahap leveraj kekal agak tinggi. Oleh itu, usaha mengurangkan paras hutang isi rumah ini terus menjadi perkara

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

penting untuk menyediakan penampan bagi kejadian yang tidak dijangka dan kenaikan kos.

Risiko terhadap kestabilan kewangan domestik daripada leveraj isi rumah terus berkurang, disebabkan sebahagian besarnya oleh piawaian pengunderaitan kredit dan amalan pengurusan risiko bank yang mantap. Penambahbaikan terhadap amalan pemberian pinjaman bank bagi mencerminkan pengukuhan proses penilaian kemampuan, kebanyakannya telah dilaksanakan. Langkah ini penting untuk mengekalkan kekukuhan kualiti aset bank pada masa akan datang. Kualiti keseluruhan bagi pinjaman perumahan bank terus meningkat, dengan pinjaman terjejas dan delinkuensi (atau tahap kegagalan membayar hutang) isi rumah kekal rendah bagi semua jenis kemudahan pembiayaan. Kebimbangan terhadap penentuan harga risiko yang tidak tepat di tengah-tengah persaingan yang sengit dalam segmen pembiayaan runcit juga dinilai oleh Bank sebagai semakin berkurang. Ini disebabkan langkah-langkah yang diambil oleh bank, sama ada menyelaraskan kadar pinjaman mereka bagi mencerminkan andaian risiko kredit dan mudah tunai yang lebih realistik, atau meningkatkan penampan modal. Berdasarkan ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank, risiko kepada kestabilan kewangan daripada pemberian pinjaman kepada isi rumah kekal terurus memandangkan kemungkinan kerugian, meskipun di bawah andaian keadaan tekanan yang teruk, akan dapat ditampung dengan baik oleh lebihan penampan modal bank.

Dalam pasaran harta tanah, pertumbuhan agregat harga rumah didapati stabil disebabkan pembeli rumah dan pemaju perumahan terus membuat penyesuaian terhadap langkah kehematan makro dan fiskal dengan tujuan untuk membendung kegiatan spekulasi dan pengambilan risiko yang berlebihan. Indeks Harga Rumah Malaysia menurun daripada 9.6% dalam tempoh tahun 2010 – 2014 kepada kira-kira 8% yang dicatat selama lima suku tahunan berturut-turut sejak suku kedua 2014. Transaksi perumahan yang lebih perlahan, terutamanya dalam segmen rumah berharga lebih tinggi, serta permintaan yang terus kukuh terhadap unit rumah mampu milik telah menggalakkan penyeimbangan semula penawaran perumahan. Ini akan mengurangkan risiko yang dikaitkan dengan penawaran perumahan yang tidak mampan, yang tertumpu dalam segmen tertentu. Memandangkan kini terdapat jurang yang besar antara permintaan dengan penawaran dalam segmen perumahan mampu milik, penilaian yang dibuat menunjukkan bahawa risiko pembetulan harga rumah yang lebih menyeluruh dijangka kekal rendah. Pertambahan penawaran perumahan mampu milik oleh pihak Kerajaan dan sektor swasta adalah penting untuk mengurangkan tekanan menaik terhadap harga rumah. Bagi harta bukan kediaman, risiko dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah telah meningkat. Dengan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

keadaan perniagaan yang kian mencabar dan pertambahan penawaran dalam masa dua tahun akan datang terus menambah tekanan terhadap penawaran, usaha untuk memastikan pengurusan penawaran baharu yang berkesan bagi segmen tersebut adalah penting. Pada masa ini, dedahan bank dalam segmen ini agak terhad, dengan delinkuensi masih didapati rendah dan stabil.

Meskipun paras leveraj korporat meningkat pada tahun 2015, ia masih berada pada paras kehematan yang wajar. Nisbah median hutang kepada ekuiti syarikat bukan kewangan Malaysia ialah 46.8% pada akhir bulan September 2015. Walaupun keberuntungan lebih rendah dalam beberapa segmen perniagaan yang lebih terjejas akibat harga komoditi yang lebih rendah dan permintaan yang lebih lembap, keupayaan keseluruhan entiti perniagaan untuk membayar balik hutang kekal kukuh dan terus disokong oleh penampan mudah tunai yang mencukupi. Nisbah median perlindungan kadar faedah perniagaan pada 5.3 kali jauh melebihi piawaian kehematan iaitu dua kali, manakala nisbah median tunai kepada hutang jangka pendek kekal melebihi satu kali. Ini membolehkan sektor perniagaan menangani pergerakan lebih ketara dalam kadar pertukaran dan harga komoditi yang dialami pada tahun 2015. Tambahan lagi, risiko kepada kestabilan kewangan domestik daripada hutang luar negeri dan hutang korporat mata wang asing terus dikurangkan oleh proses kelulusan pengawalseliaan berhemat yang sedia ada, dan syarikat konglomerat domestik (termasuk GLC) dan syarikat multinasional yang kukuh dari segi kewangan, yang mencakupi bahagian yang besar daripada hutang luar negeri.

Kualiti keseluruhan bagi peminjaman perniagaan adalah mampan. Meskipun prestasi pinjaman dalam beberapa sektor merosot sejajar dengan perkembangan ekonomi, namun impaknya ke atas prestasi pinjaman perniagaan keseluruhan adalah kecil. Dedahan bank kepada sektor minyak sawit mentah serta minyak dan gas adalah kecil, masing-masing pada kira-kira 4% dan 2% daripada jumlah dedahan kredit kepada perniagaan. Kemungkinan kerugian kredit kumulatif daripada kejutan teruk yang disimulasikan pada kumpulan peminjam besar juga kekal terurus, dengan lebihan penampan modal bank mencukupi untuk menampung lebih dua kali kerugian yang dianggarkan. Keupayaan keseluruhan syarikat Malaysia untuk membayar balik hutang pada amnya dijangka kekal kukuh pada tahun 2016, memandangkan terdapat asas-asas syarikat yang lebih teguh.

Kedudukan liabiliti luaran bersih sistem perbankan lebih tinggi sedikit pada RM138.7 bilion (2014: RM131 bilion), disebabkan terutamanya oleh bank asing yang diperbadankan di Malaysia (locally incorporated foreign banks, LIFB). Sebahagian besar daripada tuntutan tersebut merupakan pelaburan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

modal dalam bentuk ekuiti dan perolehan tertahan LIFB, yang operasinya telah lama bertapak dan penting di Malaysia. Oleh itu, risikonya kepada sistem perbankan Malaysia adalah kecil. Dedahan luaran (aset dan liabiliti) bank yang meningkat juga disebabkan oleh amalan pengurusan mudah tunai berpusat dalam kalangan DBG yang beroperasi merentas negara. Amalan sedemikian juga perlu mematuhi peraturan mudah tunai khusus sesebuah negara yang seterusnya dapat mengurangkan risiko yang dikaitkan dengan tuntutan terhadap bank Malaysia. Prestasi operasi DBG di luar negeri juga terus menggalakkan, disokong oleh dasar risiko seluruh kumpulan dan pengaturan pengawasan yang lebih mantap.

Bank Negara Malaysia akan meneruskan tahap kewaspadaannya yang tinggi terhadap perkembangan dalam sektor isi rumah, harta tanah dan perniagaan. Ini akan terus disokong oleh tumpuan yang besar terhadap piawaian pemberian pinjaman dan amalan pengurusan risiko yang mantap dalam kalangan bank dan pemberi pinjaman bukan bank. Rintangan dalam negeri dan luaran akan terus menjadi cabaran kepada perniagaan dan isi rumah dalam tempoh yang akan datang. Oleh itu, amat penting bagi institusi kewangan untuk meningkatkan pengurusan risiko mereka serta mempergiatkan usaha mengenal pasti dan mengurus peminjam yang mungkin terjejas dalam persekitaran begini. Lebih penting lagi ialah sistem kewangan Malaysia berada pada kedudukan yang lebih kukuh untuk menghadapi perkembangan ini dan kesan daripada ketidaktentuan yang dijangka berterusan dalam sistem kewangan global pada masa akan datang. Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank terus mengesahkan kekukuhan keupayaan institusi kewangan, pada peringkat sistem dan institusi, untuk menghadapi tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk.

Pembangunan sektor kewangan

Sektor kewangan kekal menjurus ke arah mencapai matlamat yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 untuk menyokong peralihan Malaysia kepada status ekonomi berpendapatan tinggi dan nilai ditambah tinggi. Dalam persekitaran ekonomi yang lebih mencabar, jumlah pembiayaan terkumpul kepada ekonomi terus berkembang pada kadar yang kukuh, dengan usaha untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan terus menunjukkan hasil. Pembiayaan terkumpul sistem perbankan berkembang 7.9% kepada RM1,445.1 bilion, dengan pembiayaan kepada PKS meningkat 15% kepada RM259.7 bilion. Pengembangan kemudahan pembiayaan untuk bidang pertumbuhan baharu seperti perdagangan berstruktur dan komoditi serta sektor hijau juga terus menyokong aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Dalam **industri insurans dan takaful**, pembaharuan terhadap struktur penentuan harga dan komisen yang dilaksanakan secara berperingkat akan mendorong inovasi yang lebih giat, menggalakkan kemampanan dan menambah pilihan dan nilai bagi pengguna. Ini termasuk pelaksanaan pengukuran prestasi yang lebih luas untuk menjajarkan dengan lebih baik ganjaran pengantara insurans dengan kualiti perkhidmatan dan nasihat yang diberikan, serta Liberalisasi Tarif Motor dan Kebakaran Berfasa yang akan membawa kepada peralihan secara beransur-ansur ke arah penentuan harga polisi insurans motor dan kebakaran yang lebih mencerminkan risiko. Liberalisasi secara berfasa ini akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2016, yang akan membenarkan industri insurans dan takaful menawarkan produk baharu pada harga pasaran, pada fasa permulaannya.

Pembangunan tenaga mahir dalam sektor kewangan

Inisiatif untuk memastikan tenaga kerja sektor kewangan mempunyai kemahiran yang berkaitan, kecekapan serta asas etika yang kukuh terus menjadi prioriti utama Bank. Ini diteruskan melalui kerjasama rapat dengan institusi-institusi utama. Pada tahun 2015, beberapa inisiatif strategik telah dilaksanakan untuk terus meningkatkan tahap piawaian profesionalisme, amalan beretika dan kecekapan teknikal tenaga kerja. Ini termasuk inisiatif oleh Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Talent Council) untuk merumuskan strategi bagi memenuhi permintaan untuk tenaga mahir daripada industri perkhidmatan kewangan pada masa akan datang, penerbitan kod etika (code of ethics, CoE) sukarela oleh Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Professional Board) yang menetapkan tahap profesionalisme dan etika yang tinggi untuk industri perkhidmatan kewangan, serta penambahan program latihan berkualiti tinggi dan kelayakan profesional kewangan oleh badan-badan profesional industri yang utama.

Integrasi kewangan serantau

Sepanjang tempoh Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2015, beberapa kemajuan penting dicapai dalam integrasi kewangan serantau, termasuk usaha memuktamadkan dan melancarkan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN untuk menyediakan akses pasaran dan fleksibiliti operasi yang lebih luas kepada Bank ASEAN Bertauliah (Qualified ASEAN Banks). Pada masa yang sama, rangka kerja pengiktirafan bersama telah dirumuskan untuk memudahkan penawaran merentas sempadan produk skim pelaburan kolektif di ASEAN. Ini seterusnya menyumbang kepada pembangunan pasaran modal serantau. Bank Negara Malaysia juga terus memperluas pengaturan bank pusat untuk menggalakkan penggunaan mata wang tempatan dalam penyelesaian perdagangan, dengan pengaturan terkini ditandatangani dengan Bank of Thailand.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pasaran kewangan domestik

Pasaran kewangan Malaysia kekal sebagai saluran penting bagi aktiviti pemerolehan dana dan pelaburan. Mencerminkan keadaan pasaran yang lebih lembap pada tahun 2015, jumlah sekuriti hutang terkumpul meningkat dengan lebih perlahan pada 5.2% kepada RM1,175.1 bilion. Walau bagaimanapun, peminjam dan pelabur terus yakin terhadap daya tahan pasaran, dengan terbitan dalam pelbagai mata wang terus menambah kedalaman pasaran ini. Terbitan utama pada tahun 2015 termasuklah terbitan pertama bon dan sukuk dalam denominasi dolar Singapura serta terbitan bon dolar korporat terbesar di Asia oleh Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) yang berjaya memperoleh sebanyak USD5 bilion. Semakan yang dibuat oleh Bank terhadap Dokumen Dasar Urus Niaga Perjanjian Belian Semula (Repo) yang mentadbir perjanjian pembelian semula turut menambah mudah tunai dalam pasaran wang. Usaha terus dilaksanakan untuk menggalakkan penggunaan renminbi sebagai mata wang penyelesaian. Perkembangan penting pada tahun 2015 ialah kemasukan Malaysia ke dalam program *Renminbi Qualified Foreign Institutional Investor* (RQFII) oleh RR China pada bulan November 2015, dengan agregat kuota pelaburan sebanyak RMB50 bilion diberikan kepada Malaysia untuk pelaburan dana renminbi dalam pasaran kewangan RR China. Program RQFII dijangka menggalakkan pembangunan produk kewangan dalam denominasi renminbi berikutan permintaan yang bertambah terhadap peluang pelaburan di RR China. Malaysia merupakan negara ke-14 yang dimasukkan ke dalam program tersebut.

Kewangan Islam

Kedudukan Malaysia sebagai pasaran kewangan Islam antarabangsa dan destinasi terbitan sukuk terkemuka diperkukuh dengan beberapa terbitan paling penting dalam pasaran sukuk. Terbitan sukuk USD500 juta oleh Kerajaan merupakan sukuk berdaulat dengan tempoh pemegangan paling lama setakat ini dan berfungsi sebagai keluk kadar hasil tanda aras jangka panjang untuk negara lain. Sukuk itu juga adalah yang pertama menerima pakai struktur yang menggunakan aset penjana pendapatan bukan fizikal dalam bentuk hak untuk turut serta dalam penyediaan perkhidmatan. Malaysia turut menerbitkan sukuk pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab yang pertama di bawah program RM1 bilion, yang hasilnya akan disalurkan untuk tujuan tanggungjawab sosial dan tanggungjawab dari segi etika, termasuk pembiayaan projek pendidikan. Selain itu, Bank berjaya menyempurnakan terbitan rintis Nota Monetari Islam tiga bulan berasaskan konsep *Mudarabah* yang diterima pada peringkat global. Terbitan ini dijangka akan menambah jumlah pelabur dan menjadikan pasaran kewangan Islam lebih mendalam dan teguh. Pada tahun 2015, industri perbankan Islam

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

berjaya menyempurnakan pelaksanaan untuk memindahkan akaun deposit Islam pelanggan mereka ke dalam akaun deposit atau atau pelaburan Islam menurut keperluan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Ini dilengkapi lagi oleh pelancaran Platform Akaun Pelaburan pada bulan Februari 2016 yang dijangka menambah baik peranan akaun pelaburan bagi menyokong keusahawanan dengan meningkatkan jumlah pelabur, usaha niaga dan bank yang mengambil bahagian dalam penyediaan akaun pelaburan.

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan

Bank terus memperkukuh tunggak rangka kerja kehematan yang mantap pada tahun 2015. Aktiviti pengawalan dan penyeliaan dilaksanakan dengan berpandukan fokus domestik untuk memastikan tadbir urus yang utuh dan pengambilan risiko yang wajar oleh institusi kewangan dalam persekitaran risiko yang meningkat. Selain itu, keutamaan dasar Bank turut mengambil kira kemajuan yang dicapai dalam pembaharuan pengawalseliaan pada peringkat global.

Bank telah menyempurnakan kajian semula menyeluruh piawaian tadbir urus korporatnya bagi institusi kewangan untuk mencerminkan amalan yang diperkukuh dalam industri selain perkembangan dalam piawaian global serta risiko yang mungkin timbul, terutamanya daripada aktiviti kumpulan dan kesalinghubungan yang lebih meluas. Piawaian yang disemak ini menerapkan keperluan yang diperkukuh berhubung dengan komposisi lembaga pengarah, struktur pampasan, budaya korporat dan tanggungjawab pengawasan kumpulan. Bank turut menyempurnakan kajian semula piawaian kehematan sedia ada mengenai pengurusan risiko kredit yang antara lain bertujuan meningkatkan kecanggihan kaedah pengukuran risiko kredit yang digunakan di seluruh industri. Dalam sektor insurans dan takaful, Bank telah menyiapkan semakan piawaian kehematan terhadap pengurusan modal dalaman dan peranan aktuari dilantik dalam usaha menggalakkan pengurusan insurans/takaful dan risiko kewangan yang mantap. Selain itu, Bank juga mencapai lebih banyak kemajuan dalam pembangunan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah yang komprehensif, yang mengambil kira aspek parameter Syariah dan keperluan operasi.

Piawaian Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) yang terakhir bagi institusi perbankan iaitu salah satu komponen penting dalam pakej pembaharuan pengawalseliaan Basel III, dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015 untuk bank-bank di Malaysia. Peraturan ini menghendaki institusi perbankan mengekalkan penampan mudah tunai yang mencukupi untuk menghadapi kejutan mudah tunai jangka pendek yang ketara untuk tempoh 30 hari. Seperti yang dijangka, peralihan institusi perbankan kepada keperluan mudah tunai baharu ini berjalan lancar dengan LCR purata sektor

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

perbankan pada 127%, jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum yang terpakai iaitu 70%, yang dilaksanakan mulai 1 Januari 2016.

Perkembangan penting pada tahun 2015 ialah kelulusan pindaan terhadap Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2016. Pindaan tersebut memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan bagi institusi kewangan pembangunan (IKP) untuk memastikan mandat tertentu yang diberikan kepada IKP dicapai dengan cara yang mampan dari segi kewangan. Untuk tujuan ini, peruntukan sedia ada dalam AIKP yang berkaitan dengan tadbir urus korporat, aktiviti perniagaan dan skop pengawasan pengawalseliaan Bank telah ditambah baik. Selain itu, pindaan terhadap Akta ini memasukkan peruntukan baharu dalam pengawalan tadbir urus Syariah dan perlindungan pengguna, dengan kaedah penguatkuasaan tambahan untuk memastikan pematuhan.

Usaha untuk mengukuhkan perlindungan terhadap ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (money laundering and terrorism financing, ML/TF) kekal sebagai prioriti utama Bank. Pada bulan September 2015, Pasukan Petugas Tindakan Khas (Financial Action Task Force, FATF) telah menerbitkan laporan Penilaian Bersama (Mutual Evaluation, ME) mengenai rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and countering the financing of terrorism, AML/CFT) Malaysia. Laporan tersebut memperakui pengaturan undang-undang dan pengawalseliaan Malaysia yang baik, dan penyelarasan antara agensi yang kukuh untuk penyeliaan ML/TF. Dalam melaksanakan sebahagian daripada saranan Laporan ME, Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram telah merumuskan Pelan Strategik AML/CFT Kebangsaan lima tahun untuk menggalakkan dan memelihara integriti sistem kewangan Malaysia bagi jangka masa panjang dan menyumbang kepada pengurangan aktiviti jenayah di negara ini. Berdasarkan komitmen yang ditunjukkan oleh pelan tindakan Malaysia dan kemajuan berterusan dalam usaha menambah baik program AML/CFT, Malaysia telah diberikan keahlian penuh FATF pada bulan Februari 2016.

Pada tahun 2015, tindakan penguatkuasaan terus dijalankan oleh Bank untuk memelihara integriti sistem kewangan. Bank berjaya membuat dakwaan terhadap 182 kesalahan jenayah dan memperoleh enam perintah mahkamah yang menghendaki entiti dan/atau individu menghentikan aktiviti haram. Selain itu, denda berjumlah RM69.5 juta telah dikenakan terhadap pemegang lesen yang melanggar keperluan pengawalseliaan dan 26 siasatan baharu telah dibuka oleh Bank pada tahun itu berhubung dengan kesalahan aktiviti yang disyaki haram dan pelanggaran terhadap keperluan pengawalseliaan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Amalan pasaran dan pemerkasaan pengguna

Pada tahun 2015, Bank terus memberikan tumpuan pada usaha menggalakkan amalan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional oleh penyedia perkhidmatan kewangan (PPK). Langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan ditumpukan terutamanya pada usaha memastikan PPK membuat penilaian secukupnya terhadap kesesuaian produk kewangan untuk pengguna serta meningkatkan kualiti dan kejelasan maklumat yang diberikan kepada pengguna berikutan persaingan yang semakin sengit dan ketidaktentuan yang ketara dalam prestasi pelaburan. Bank membuat penilaian bahawa risiko kepada pengguna kekal tinggi dalam tempoh terdekat memandangkan keadaan operasi yang terus mencabar untuk PPK. Oleh itu, tumpuan lebih yang diberikan oleh PPK untuk memperkukuh amalan perniagaan yang menitikberatkan kepentingan pengguna akan terus memainkan peranan penting dalam mengurangkan risiko ini.

Beberapa piawaian amalan pasaran telah diperkukuh untuk menerapkan keperluan yang meningkatkan hasil yang saksama untuk pengguna. Ini termasuk piawaian baharu yang dikeluarkan oleh Bank mengenai pengurusan perniagaan insurans hayat sertaan yang mengambil kira amalan syarikat insurans dalam pengagihan keuntungan dana insurans kepada pemegang polisi. Atas desakan Bank, industri perbankan dan insurans juga terus menggalakkan penggunaan huraian terma kontrak yang seragam dan bahasa yang mudah dalam kontrak kewangan. Sehingga hari ini, lebih dua pertiga daripada kontrak pinjaman perumahan dan pembiayaan rumah yang dikeluarkan oleh bank menerima pakai huraian terma kontrak utama yang seragam, dan hampir satu perlima polisi insurans peribadi disampaikan dalam bahasa yang mudah.

Aduan yang diterima Bank terhadap PPK berkurang pada tahun 2015, terutamanya disebabkan oleh pengurusan aduan yang lebih proaktif oleh PPK dan tumpuan pengawalseliaan yang berterusan oleh Bank untuk menangani amalan yang tidak konsisten dengan layanan yang adil kepada pengguna kewangan dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab. Pada tahun itu, tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan telah diambil terhadap 38 PPK kerana kegagalan mematuhi pelbagai keperluan amalan perniagaan. Pada 14 September 2015, Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Skim Ombudsman Kewangan) 2015 dan Peraturan Perkhidmatan Kewangan Islam (Skim Ombudsman Kewangan) 2015 telah dikuatkuasakan, lantas membuka laluan kepada penubuhan skim ombudsman kewangan (financial ombudsman scheme, FOS) untuk menambah baik pengaturan penyelesaian pertikaian kewangan di Malaysia. Langkah persediaan untuk mentransformasikan Biro Pengantaraan Kewangan yang sedia ada kepada FOS yang diluluskan kini

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

pada peringkat akhir dengan FOS dijangka mula beroperasi pada suku kedua 2016.

Agenda pendidikan kewangan terus mencapai kemajuan sebagai strategi utama untuk memperkasakan pengguna dan meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka. Kerjasama Bank yang berterusan dengan Kementerian Pendidikan untuk mengintegrasikan pendidikan kewangan ke dalam kurikulum sekolah terus mendapat sokongan, dengan matlamat untuk melengkapkan proses integrasi ini bagi semua sekolah rendah dan menengah menjelang tahun 2021. Bank juga terus memanfaatkan kemajuan ekonomi dalam reka bentuk serta penyampaian maklumat dan nasihat kewangan, dan antara inisiatif yang dilaksanakan pada tahun itu ialah pembangunan aplikasi mudah alih baharu dan portal pendidikan kewangan. Selain itu, Bank turut menjalankan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan yang akan membolehkan Bank mengesan tahap celik kewangan pengguna Malaysia menggunakan Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan (Financial Literacy and Capability Index, MYFLIC) yang mengukur pengetahuan, tingkah laku dan sikap rakyat Malaysia berkaitan dengan hal ehwal kewangan.

Sistem pembayaran dan penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia kekal berdaya tahan dan terus beroperasi dengan lancar sepanjang tahun 2015, sekali gus menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik iaitu Sistem Pemindahan Dana Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) dan Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan Secara Elektronik (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK) beroperasi dengan lancar tanpa sebarang gangguan besar pada tahun itu. Aktiviti pengawasan Bank ke atas sistem ini dan sistem pembayaran runcit utama yang lain terus memberikan tumpuan pada pengurusan risiko dan pengaturan kesinambungan perniagaan yang mencukupi, khususnya memandangkan jumlah urus niaga yang meningkat yang disokong oleh sistem ini.

Untuk terus meningkatkan prestasi RENTAS, penambahbaikan juga dibuat untuk mentransformasikan RENTAS secara beransur-ansur kepada sistem pelbagai mata wang yang menerima pakai piawaian pesanan Persatuan Telekomunikasi Kewangan Antara Bank Seluruh Dunia (Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication, SWIFT), lengkap dengan pelbagai saluran akses dan fungsi tambahan yang akan meningkatkan lagi kecekapan operasi dan mengurangkan risiko bagi peserta. Proses penambahbaikan ini dijangka selesai menjelang akhir tahun 2016 dan akan turut memudahkan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

integrasi RENTAS dengan sistem pembayaran bernilai besar serantau yang lain bagi urus niaga kewangan merentas sempadan yang lancar, selamat dan cekap. Kerugian akibat penipuan berkaitan dengan penggunaan kad pembayaran dan perbankan dalam talian kekal kecil berikutan usaha berterusan oleh Bank dan industri untuk terus mengukuhkan pengurusan risiko dan langkah keselamatan. Usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai langkah pencegahan yang boleh diambil untuk mengelakkan daripada menjadi mangsa cubaan penipuan turut diperhebat.

Tahun 2015 merupakan titik pertengahan pelan hala tuju strategik 10 tahun Bank untuk mempercepat perpindahan Malaysia kepada e-pembayaran seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020. Pada lima tahun yang pertama (2011-2015), penekanan diberikan untuk membangunkan persekitaran yang kondusif dengan memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan, menangani herotan pasaran dan mewujudkan struktur insentif. Hasilnya, penggunaan cek berkurang daripada 205 juta setahun kepada 148 juta pada tahun 2015, kekal pada landasan untuk mencapai sasaran 100 juta menjelang tahun 2020. Pada tempoh yang sama, bilangan urus niaga e-pembayaran per kapita meningkat hampir dua kali daripada 49 kepada 82. Usaha untuk menggantikan penggunaan wang tunai dengan e-pembayaran akan terus mendapat manfaat daripada pelaksanaan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Payment Card Reform Framework, PCRF) yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2015. Langkah pengawalseliaan yang diperkenalkan di bawah PCRF telah menyebabkan kos penerimaan kad menjadi sederhana sedikit dan kadar pertumbuhan terminal semasa jualan (point of sale, POS) meningkat tiga kali daripada 4.9% pada tahun 2014 kepada 18.1% pada tahun 2015. Industri ini juga telah memberikan komitmen untuk melabur kira-kira RM1.1 bilion antara tahun 2015 hingga 2020 untuk penambahbaikan infrastruktur kad pembayaran, termasuk meningkatkan penyediaan perkhidmatan transaksi pembayaran yang lebih meluas.

Bank Negara Malaysia
23 Mac 2016

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my